


# Dadah Pemusnah Generasi Islam

► Zulfiqar Mohd Yusof

**P** enyalahgunaan dadah bukanlah masalah baharu yang membelenggu institusi keluarga, masyarakat dan negara. Penyalahgunaan dadah bermaksud menggunakan dadah untuk kepuasan atau keseronokan diri, dan bukan atas tujuan perubatan. Ketagihan dadah merupakan suatu keadaan apabila seseorang itu bergantung pada dadah untuk membolehkannya melakukan aktiviti harian. Antara jenis dadah yang biasa disalahgunakan termasuklah candu, morfin, heroin, kodein, ekstasi, amfetamin, kokain, aerosol, gam, grass, ganja dan hashish.



## Sejarah kemunculan dadah di Tanah Melayu

Masalah dadah dalam konteks sejarah telah wujud sejak penjajah Belanda membawa masuk candu pada tahun 1687 sebagai komoditi yang diperdagangkan dengan Riau dan kerajaan Johor Lama. Namun begitu, pada awal abad ke-18, sewaktu era penjajahan British, candu telah dibawa masuk secara besar-besaran ke Tanah Melayu. British turut memperkenalkan kutipan hasil cukai penjualan candu di seluruh tanah jajahannya. Bagi pihak British, perniagaan dan perdagangan candu amat menguntungkan serta mampu dijadikan sumber kewangan negara.

Pada tahap awal kemasukan candu di Tanah Melayu, kebanyakan penagih candu terdiri daripada bangsa Cina. Walau bagaimanapun, penjualan candu yang berkembang kerana sah di sisi undang-undang British di Tanah Melayu telah menyebabkan bangsa Melayu, India dan Orang Asli mulai menghisap candu. Hasil kajian dan laporan Suruhanjaya Liga Bangsa mendapati bahawa penhisap candu akan mengalami kesan buruk seperti malas, ketagihan yang kronik, khayal, pengotor, kehidupan tidak teratur, melemahkan daya pemikiran dan mewujudkan masalah kesihatan dalam jangka masa panjang.

British mengharamkan penggunaan candu pada tahun 1945, dan kemudian mengharamkan penggunaan dadah secara menyeluruh pada tahun 1952 melalui Akta Dadah Merbahaya 1952. Pada 1960-an, berlaku peningkatan

kemasukan dadah ke Malaysia melalui Thailand. Masalah penyalahgunaan dadah mula mengancam ketenteraman awam, nama baik dan ekonomi negara.

## Budaya Hippies

Budaya *Hippies* yang mula mendapat tempat dalam kalangan remaja di Malaysia sejak 1970-an menyebabkan berlakunya peningkatan penyalahgunaan dadah khususnya golongan remaja. Budaya *Hippies* yang berasal daripada Pesta Woodstock di Amerika Syarikat (AS) telah mengagung-agungkan cara hidup bebas seperti pengambilan dadah, berfoya-foya, berpelesenan, minum arak, berjudi dan mengamalkan seks bebas untuk ketenangan diri.

Tentera AS yang terlibat dalam Perang Vietnam telah ke Pulau Pinang untuk tujuan bercuti rehat dan rawat. Merekalah yang telah memperkenalkan penggunaan dadah jenis heroin, morfin dan bahan-bahan psikotropik kepada penduduk tempatan. Antara 1970-an hingga 1980-an telah berlaku peningkatan kemasukan dadah dari luar negara ke Malaysia, khususnya dari Kawasan Segi Tiga Emas.



Penyalahgunaan dadah boleh menyebabkan seseorang melakukan sesuatu di luar kawalan.

Kawasan tersebut merupakan pengeluar utama dadah jenis heroin dan yang terbesar di dunia pada ketika itu. Sejak tahun 1990, Kawasan Segi Tiga Emas mula mengeluarkan dadah jenis sintetik.

## Dadah musuh nombor satu negara

Penyalahgunaan dadah bukan sahaja menggugat keselamatan dan pembangunan sosioekonomi negara, malahan memangkin kehancuran sistem kekeluargaan, masyarakat dan pemerintahan negara. Lantaran itu, pada 19 Februari 1983, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melancarkan Falsafah Dasar Dadah Negara dengan mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara. Sejak itu, pembanterasan masalah berkaitan dengan dadah sentiasa menjadi agenda utama kerajaan terutama apabila dadah menjadi antara penyebab kepada berlakunya kes-kes jenayah seperti keganasan rumah tangga, peras ugut, rogol, bunuh, ragut dan kecurian atau rompakan. Kes-kes jenayah yang berpunca daripada dadah bakal



# Islam melarang keras sesuatu yang memabukkan atau mengkhayalkan bagi tujuan untuk menjaga agama, akal, kesihatan tubuh badan serta melindungi individu dan masyarakat.

memusnahkan generasi Islam, khususnya golongan muda.

Pada tahun 2019, jumlah penagih dadah adalah seramai 142 199 orang. Negeri Kelantan mencatatkan jumlah dan penagih dadah yang tinggi, iaitu 16 341 orang. Seterusnya negeri Johor berjumlah 16 124 orang, Selangor (13 722 orang), Pahang (13 616 orang), Kedah (11 629 orang), Terengganu (11 409 orang), Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan (10 886 orang), Perak (9335 orang), Pulau Pinang (8987 orang), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (8410 orang), Negeri Sembilan (7934 orang), Sarawak (6774 orang), Melaka (4968 orang) dan Perlis (2064 orang).

Bagi tahun 2020 pula, seramai 128 325 orang penagih dadah telah dicatatkan. Negeri Johor mencatatkan jumlah penagih dadah serta bahan yang tinggi,

iaitu 16 138 orang. Negeri selanjutnya ialah Kelantan yang berjumlah 13 649 orang, Terengganu (12 499 orang), Pahang (12 170 orang), Selangor (10 955 orang), Kedah (10 518 orang), Perak (8604 orang), Sarawak (7963 orang), Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan (7857 orang), Pulau Pinang (7633 orang), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (7117 orang), Negeri Sembilan (6589 orang), Melaka (4855 orang) dan Perlis (1778 orang).

Jumlah penagih dadah bagi jantina lelaki pada tahun 2018 adalah seramai 125 320 orang, 135 869 orang (2019) dan 122 561 orang (2020). Bagi jantina perempuan berjumlah 5468 orang pada tahun 2018, 6330 orang (2019) dan 5764 (2020). Mengikut bangsa pula, Melayu berjumlah 99 535 orang pada tahun 2018, 107 503 orang (2019) dan 98 652 (2020). Bangsa Cina pula mencatatkan jumlah 11 205 orang pada tahun 2018, 11 279 orang (2019) dan 9822 orang (2020). Bangsa India pula berjumlah 8676 orang pada tahun 2018, 9218 orang (2019), 7540 orang (2020).

## Islam melarang penyalahgunaan dadah

Berdasarkan statistik penagih dadah mengikut bangsa, bangsa Melayu yang sudah tentu beragama Islam menurut takrifan Perkara 160 (2) Perlembagaan Malaysia, didapati majoriti terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Islam memelihara

kepentingan asasi manusia, iaitu agama, akal, nyawa, harta dan keturunan. Semua perkara yang boleh mengancam perkara penting tersebut diharamkan oleh syarak. Oleh sebab itu, Islam melarang keras sesuatu yang memabukkan atau mengkhayalkan yang dalam konteks perbincangan ini ialah dadah bagi tujuan untuk menjaga agama, akal, kesihatan tubuh badan serta melindungi individu dan masyarakat.

Dadah akan menyebabkan penganut Islam tidak dapat menunaikan ibadat atau suruhan agama terutama yang termaktub dalam rukun Islam seperti mendirikan solat dan berpuasa. Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud yang bermaksud, "Rasulullah melarang setiap perkara yang memabukkan." Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Jabir pula, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Apa-apa sahaja yang memabukkan hukumnya haram sama ada banyak ataupun sedikit." Oleh sebab itu, haram bagi orang Islam memakan atau meminum sesuatu yang boleh menyebabkan kebinasaan pada diri apabila telah diketahuinya.

Yusuf al-Qaradawi juga memberikan fatwa pengharaman dadah yang memabukkan dan mengkhayalkan. Beliau menggolongkan dadah di bawah *khamr* yang diharamkan. Para ulama menggunakan istilah *khamr* bagi semua perkara yang meninggalkan kesan terhadap akal selepas pengambilannya. Istilah *khamr* bererti tutup. Perkara yang menutup akal (memabukkan atau khayal) dan menghilangkan

kesedaran dipanggil *khamr*. Hal ini dikatakan demikian kerana perkara tersebut dapat menghalang akal daripada berfungsi secara normal. Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Setiap yang memabukkan ialah *khamr* dan setiap *khamr* itu haram."

Masalah ketagihan dadah yang melampau akan menyebabkan penagih dadah hilang kawalan atau gagal untuk mengawal nafsu diri. Keadaan terbabit akan menyebabkan penagih dadah sanggup melakukan jenayah untuk mendapatkan sumber kewangan bagi membeli dadah yang kian meningkat. Sebagai contoh, harga satu gram metamfetamina bernilai RM100, manakala nilai satu kilogram ialah RM45 000. Harga satu gram ganja pula bernilai RM50, manakala nilai satu kilogram ialah RM2500.

### **Kesan penyalahgunaan dadah**

Ketagihan dadah akan mengakibatkan penagih mengalami perubahan emosi dan hilang pertimbangan dalam melakukan sesuatu keputusan kerana mudah marah dan panas baran. Hal ini boleh menyebabkan pergaduhan yang kadangkala terjadinya pembunuhan. Sebagai contoh, pada 3 Ogos 2020, seorang penagih dadah berusia 38 tahun ditahan polis kerana disyaki membunuh ibunya dalam lingkungan umur 70-an di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Aman, Jinjang Utara untuk mendapatkan wang. Ketika ditahan, suspek didapati positif dadah jenis ganja dan

## **Ketagihan dadah akan mengakibatkan penagih mengalami perubahan emosi dan hilang pertimbangan dalam melakukan sesuatu keputusan kerana mudah marah dan panas baran.**


heroin selepas ujian saringan air kencing dilakukan.

Akibat dadah juga, institusi kekeluargaan hancur kerana berlaku pengabaian nafkah anak-anak dan isteri serta keganasan rumah tangga. Oleh sebab itu, kes perceraian yang berkaitan dengan masalah dadah meningkat. Menurut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 5260 kes keganasan rumah tangga dilaporkan pada tahun 2020. Untuk tempoh Januari hingga Ogos 2021 pula, sebanyak 4905 kes dilaporkan. Apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dalam tempoh terbabit, penagih dadah "terperangkap" di rumah bersama-sama ahli keluarga mereka. Hal ini menyebabkan peluang untuk konflik berlaku lebih tinggi.

Sebelum pandemik COVID-19, penagih dadah jarang berada di rumah bersama-sama ahli keluarga sekali gus mengurangkan risiko berlakunya ketegangan antara ahli keluarga. Persekitaran rumah yang sempit atau tidak kondusif menyebabkan berlakunya rasa tidak selesa apabila berada di rumah terutama kepada penagih dadah yang emosinya berceluru

dan pada kebiasaannya keluar rumah. Tempoh PKP juga menyebabkan penagih dadah sukar mendapatkan bekalan dadah ditambah pula mereka dan ahli keluarga menghadapi masalah kewangan akibat tidak dibayar gaji, pemotongan gaji atau diberhentikan kerja.

### **Pencegahan melalui Pendidikan Islam dan Moral**

Masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan umat Islam bukan sahaja perlu menggunakan pendekatan undang-undang atau hukuman malahan melalui pendidikan agama. Subjek Pendidikan Islam yang ditawarkan pada peringkat sekolah rendah dan menengah wajar dijadikan wadah untuk membasmi gejala kotor daripada mencengkam pemikiran generasi muda Islam. Sewajarnya silibus tentang pengharaman dan bahaya dadah diajar pada peringkat sekolah rendah lagi. Bak kata pepatah "melentur buluh biarlah ketika rebunginya." Apabila ke peringkat menengah, silibus terbabit boleh ditambah, antaranya termasuklah silibus yang akan membincangkan tentang keruntuhan institusi kekeluargaan, masyarakat dan negara akibat dadah. 

### **Nota Hikmah**

*"Kecantikan yang abadi terletak pada keelokan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan terletak pada wajah dan pakaiannya."*

*~ Buya Hamka*